

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]**

SOALAN :

YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa banjir besar pada Disember 2014 di Semenanjung Malaysia khususnya pantai timur telah membawa padah kepada rakyat, justeru apakah langkah Kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir dan rancangan menyeluruh Kerajaan untuk mencegah banjir daripada berulang.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah dan sedang melaksanakan tiga program untuk membantu memulihkan mangsa-mangsa banjir. Program-program berkenaan ialah program bantuan wang ihsan, program pembinaan rumah kekal baru dan program pembaikan rumah.

Sehingga 19 Mac 2015, sebanyak **2,185 permohonan untuk program pembinaan rumah kekal baru** telah diterima. Setelah proses verifikasi dijalankan, sebanyak **2,070 buah** akan dibina di negeri-negeri yang terlibat dengan banjir. Dari jumlah tersebut, sebanyak 427 buah rumah kekal baru sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan oleh Kementerian Kerja Raya dan kontrak untuk pembinaan rumah yang selebihnya akan dikeluarkan apabila semua keperluan seperti status hak milik tanah dapat diselesaikan. Kos untuk pembinaan sebuah rumah kekal baru adalah sebanyak RM48,000 menggunakan pelan standard Kementerian Kerja Raya.

Untuk program pembaikan rumah, **sehingga 19 Mac 2015, sebanyak 5,424 buah rumah telah selesai diverifikasi dan disahkan layak untuk dibaiki.** Kerja-kerja pembaikan sedang giat dijalankan sekarang oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan sebanyak **1,819 buah sedang dalam pelbagai peringkat pembaikan.**

Kerajaan juga telah menyediakan RM800 juta untuk membaiki dan membina semula infrastruktur asas seperti sekolah, hospital, jalan raya dan jambatan. Kerajaan juga menyediakan RM893 juta di bawah Bajet

2015 untuk rancangan tebatan banjir sebagai sebahagian dari usaha untuk mencegah banjir di kawasan-kawasan berisiko.

Sekian. Terima kasih.